

## Kata Kerja Bahasa Jakun: Analisis Kerangka Minimalis

### *Transitive Verbs in Jakun Language: A Minimalist Framework*

Nurul Hana Mohamad Ali  
<sup>1</sup>Fazal Mohamed Mohamed Sultan

Program Linguistik  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>fazal@ukm.edu.my

#### ABSTRAK

*Bahasa Jakun ialah bahasa Austronesia yang merupakan cabang kepada Bahasa Melayu Purba. Bahasa Jakun dikatakan telah banyak meminjam kosa kata dan nahu daripada bahasa Melayu. Pernyataan ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji struktur ayat khususnya kata kerja dalam bahasa Jakun. Oleh hal yang demikian, makalah ini membincangkan Kata Kerja Bahasa Jakun: Analisis Kerangka Minimalis. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kata kerja bahasa Jakun dengan menggunakan pendekatan Kerangka Minimalis. Pengkaji telah menemu bual 4 responden yang merupakan penutur natif bahasa Jakun yang merupakan penduduk di Kampung Tenggalong, Rompin, Pahang. Kajian ini mendapati bahawa struktur ayat bahasa Jakun adalah sama dengan bahasa Melayu, di mana strukturnya adalah SUBJEK-KERJAAN-OBJEK (SKO) dan dapat disimpulkan bahawa kata kerja yang didapati dalam bahasa Jakun adalah kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. Kata kerja juga hadir bersama kala yang berbentuk kala lepas dan kala kini.*

**Kata kunci:** Kata kerja, Bahasa Jakun, Analisis Kerangka Minimalis, Austronesia, Orang Asli

#### ABSTRACT

*The Jakun language is an Austronesian language and a branch of the Ancient Malay language. Jakun language was said to borrow a lot of vocabulary and grammar from the Malay language. Thus, this statement has encouraged the study of sentence structure, especially verbs in the Jakun language. This paper discusses Jakun Verbs: A Minimalist Programme Analysis. The objective of this study is to analyze Jakun language verbs by using the Minimalist Programme approach. The researcher interviewed 4 respondents who are native Jakun speakers who live in Tenggalong Village, Rompin, Pahang. This study found that the sentence structure of the Jakun language is the same as the Malay language, where the structure can be seen as SUBJECT-VERB-OBJECT (SVO) and it can also be concluded that the verbs found in the Jakun language are transitive verbs and ditransitive verb. Tenses are also present before the verbs, which is past tense and present tense.*

**Keywords:** Verbs, Jakun Language, Minimalist Programme Analysis, Austronesian, Aboriginal People

## 1. Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian warisan budaya dan suku kaum. Majoriti penduduk di Malaysia terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India. Walau bagaimanapun, sebelum kedatangan kaum-kaum tersebut, masyarakat bumiputera di Malaysia (merujuk kepada etnik peribumi atau asli), merupakan penduduk asal Tanah Melayu. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (2023), Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kelompok iaitu Melayu-Proto, Senoi dan Negrito. Kelompok ini juga terbahagi kepada 18 suku kaum.

Bagi suku Senoi, kelompok ini terdiri daripada suku kaum Semai, Mah Meri, Temiar, Jah Hut, Che Wong dan Semoq Beri. Kebanyakan sub etnik ini mendiami belah Pantai Timur sehingga kawasan tengah Semenanjung Malaysia. Suku Negrito pula terdiri daripada Jahai, Kensiu, Kintaq, Bateq, Mendriq dan Lanoh. Orang Asli Negrito ini dilihat banyak mendiami kawasan tengah Semenanjung Malaysia. Seterusnya, Orang Asli Melayu-Proto yang terdiri daripada suku Temuan, Jakun, Semai, Orang Kuala atau Duano, Orang Seletar dan Orang Kanaq. Suku Melayu-Proto mendiami kawasan selatan Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri Johor. Walaupun taburan Orang Asli ini banyak di kawasan Semenanjung Malaysia, jumlah mereka adalah sedikit dan menyebabkan mereka menjadi kelompok minoriti di negara ini (Rohani Mohd Yusof dan Noor Hasnoor 2014).

Seperti mana dialek yang dituturkan oleh penduduk di sesebuah negeri, Orang Asli juga mempunyai dan menuturkan bahasa mereka sendiri. Dapat dilihat juga bahawa bahasa bagi setiap suku kaum Orang Asli ini adalah berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini mendorong pengkaji untuk memilih bahasa Jakun sebagai data analisis kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menumpukan pada jenis-jenis kata kerja yang terdapat dalam bahasa Jakun, khusus terhadap kata kerja transitif dan menganalisis kata kerja transitif mengikut pendekatan Kerangka Minimalis yang dicetuskan oleh Noam Chomsky.

## 2. Tinjauan Literatur

Terdapat kajian luar negara yang menggunakan pendekatan Kerangka Minimalis untuk mengetahui struktur binaan ayat sesebuah bahasa. Kajian tersebut adalah daripada Aydın dan Şeker (2013) yang bertajuk *A comparative study on English and Turkish syntactic structures within the terms of the Minimalist Program*. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan bahasa Inggeris dan bahasa Turki dari perspektif Program Minimalis. Tujuan kajian ini adalah untuk mewakili bahasa Turki mengikut prinsip-prinsip Program Minimalis dan membincangkan bagaimana bahasa Turki dan bahasa Inggeris bertindak balas terhadap konsep ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa walaupun bahasa Inggeris dan bahasa Turki berasal dari kelompok bahasa yang berbeza dalam hal struktur frasa dan ayat, analisis Program Minimalis menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri yang masih sama antara kedua-dua bahasa tersebut dan terdapat juga perbezaan ciri-ciri dalam bahasa-bahasa tersebut.


Dalam Kata Kerja Dalam Dialek Perlis: Analisis Program Minimalis oleh Nurul Aini Abd Rahman dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2019), pengkaji telah menemu bual lima penutur natif dialek Perlis di Kampung Banat, Arau, Perlis. Kajian ini menumpukan pada sintaksis dan struktur kata kerja, membahagikan kata kerja kepada transitif dan tak transitif,

serta menggunakan Kerangka Minimalis oleh Noam Chomsky untuk menganalisis struktur kata kerja dalam dialek Perlis. Hasil kajian menunjukkan kata kerja dalam dialek Perlis dibahagikan kepada transitif dan tak transitif. Struktur ayat dalam dialek Perlis serupa dengan bahasa Melayu, iaitu SUBJEK- KERJAAN-OBJEK (SKO). Kerangka Minimalis terbukti berkesan dalam analisis ini. Kajian mengenal pasti kata kerja yang memerlukan objek seperti *ada*, *tukaq*, dan *sambung*. Kata kerja tak transitif terbahagi kepada tak ergatif dan tak akusatif, yang tidak memerlukan objek. Contoh tak ergatif adalah *keluaq*, manakala tak akusatif termasuk *tak dak*, *kisah*, *balik*, *latih* dan *takut*. Kedua-dua jenis ini dianalisis menggunakan Kerangka Minimalis. Analisis sintaksis menggunakan Kerangka Minimalis menggambarkan proses penggabungan dan pergerakan dalam struktur kata kerja dialek Perlis, mengesahkan persamaan dengan BMS dengan sedikit perbezaan sebutan. Hasil analisis menunjukkan kata kerja dalam dialek Perlis memiliki fitur kala kini dan kala lepas.

Kajian yang dilakukan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2010) yang bertajuk Kata Kerja Transitif Bahasa Mendriq: Kerangka Program Minimalis menganalisis sintaksis yang membentuk frasa kerja dalam bahasa Mendriq. Bahasa Mendriq merupakan bahasa orang Asli di Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Bahasa Mendriq ini dikatakan tergolong dalam rumpun Austroasiatik. Ia menyokong pandangan bahawa bahasa Mendriq mempunyai struktur frasa kata kerja transitif yang mengikut prinsip sintaksis Kerangka Minimalis oleh Chomsky. Analisis ini juga mengetengahkan kepentingan pergerakan dan penggabungan dalam pembentukan struktur frasa kata kerja transitif serta peranannya dalam meneliti ciri sintaksis yang terlibat.

Dalam konteks pengaturcaraan Kerangka Minimalis, struktur frasa kata kerja transitif bahasa Mendriq melibatkan operasi seperti penggabungan dan pergerakan fitur tak berinterpretasi. Proses ini kemudiannya menghasilkan struktur sintaksis yang memenuhi prinsip sintaksis Minimalis, termasuk penjajaran ciri dan pemenuhan peranan theta. Kepentingan pergerakan dan penggabungan juga ditekankan dalam konteks pemeriksaan ciri yang tidak ditafsirkan sebelum Spell-Out. Berikut merupakan contoh bagi ayat kata kerja transitif dalam Bahasa Mendriq:

- (1) **yem yesor bawang**  
saya hiris bawang  
“saya menghiris bawang”



RAJAH 1. Rajah Pohon “yem yesor bawang” Sumber: Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2010)

Analisis ini bermula dengan anggapan bahawa ayat tersebut mempunyai kala, dengan kala yang digunakan adalah kala kini. Dalam Bahasa Mendriq, penggunaan kata kerja transitif mematuhi Hipotesis Penandaan Teta Bersepadu (UTAH), iaitu objek perlu hadir bersebelahan dengan kata kerja. Oleh itu, kata benda "bawang" dianggap sebagai argumen yang perlu hadir bersama dengan kata kerja "yesor". Proses pembentukan struktur frasa kerja (FK) dalam Bahasa Mendriq dimulai dengan menggabungkan dua leksikal menggunakan operasi gabung atau MERGE.

Kata kerja transitif "yesor" memerlukan dua argumen, dan kedua-dua argumen ini diperlukan oleh dua fitur tak berinterpretasi uN. Fitur-fitur ini memastikan kehadiran objek mengikuti kata kerja. Namun, berlaku pergerakan kata kerja "yesor" ke posisi atas yang memerlukan penyemakan fitur kala tak berinterpretasi. Ini menghasilkan pembentukan struktur ayat yang mencakup fitur tak berinterpretasi kala melalui penggabungan dengan nodus Kala. Subjek ayat, "yem" (saya), dipilih dan digabungkan dalam proses penyemakan untuk memenuhi fitur tak berinterpretasi [uN] pada k'. Keseluruhan ayat kemudian ditandai sebagai kala kini setelah proses penyemakan fitur-fitur tersebut. Dalam bahasa Mendriq, penggunaan kala tidak selalu ditunjukkan secara eksplisit pada kata kerja atau perkataan, tetapi diterjemahkan melalui proses sintaksis dan penyemakan fitur tertentu dalam struktur ayat. Dapat disimpulkan bahawa, melalui tinjauan literatur yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa Kerangka Minimalis adalah paling sesuai untuk digunakan sebagai pendekatan untuk menganalisis bahasa Jakun, khususnya kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif.

### 3. Metodologi dan Kawasan Kajian

#### 3.1 Tata Cara Pengumpulan Data


Menurut Kvale (1996), temu bual merupakan interaksi linguistik yang menghasilkan teks bahasa. Kvale juga mengatakan hasil temu bual membolehkan analisis linguistik berlaku dengan meneliti penggunaan bahasa, termasuk tatabahasa dan bentuk linguistik. Hal ini mendorong pengkaji untuk menggunakan kaedah temu bual bagi pengumpulan data bahasa Jakun. Pengumpulan data dilaksanakan secara kajian lapangan di kawasan kajian. Kawasan kajian yang dipilih adalah di Kampung Tenggalong, Keratong, Pahang. Teknik yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah temu

bual bersama penutur natif bahasa Jakun di kampung tersebut. Seramai 4 responden ditemu bual secara rawak. Semua responden diminta untuk menceritakan sedikit latar belakang diri dan kampung. Pengkaji juga telah memberi beberapa gambar kepada responden dan meminta mereka untuk menerangkan situasi di dalam gambar dalam bahasa Jakun. Temu bual yang dilaksanakan telah direkod menggunakan alat rakaman di telefon bimbit.

### 3.2 Analisis Data

Untuk aktiviti analisis data, pengkaji akan menggunakan dua kaedah analisis, iaitu kaedah analisis deskriptif dan kaedah analisis teoretikal. Sebelum analisis teoritikal dan analisis deskriptif dilakukan, setiap data yang diperolehi oleh pengkaji akan dikelaskan mengikut jenis-jenis kata kerja dalam bahasa Jakun. Kata kerja secara asasnya terbahagi kepada tiga iaitu, kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Walau bagaimanapun, dalam makalah ini, pengkaji akan menyentuh dua jenis kata kerja sahaja. Kata kerja tersebut adalah kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. Analisis deskriptif dilakukan dengan menerangkan setiap elemen kata yang wujud dalam ayat.

Bagi analisis teoretikal, pengkaji akan menggunakan Kerangka Minimalis oleh Chomsky (1995) dengan menggambarkan data dalam bentuk rajah pohon. Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan rajah pohon tersebut secara analisis deskriptif. Menurut Chomsky, manusia sejak lahir sudah memiliki sebuah model Tatabahasa Sejagat yang dikenali sebagai Kerangka Minimalis. Kerangka ini adalah sebuah kerangka yang telah menggantikan Teori Kuasaan dan Tambatan dan beroperasi berteraskan prinsip ekonomi. Berdasarkan andaian ini, Chomsky menggambarkan Fakulti Bahasa terdiri daripada leksikon, sistem komputasi, tahap antara muka dan sistem luaran. Hal ini dapat digambarkan berdasarkan rajah yang berikut:



RAJAH 2. Kerangka Minimalis

Leksikon adalah peringkat pertama dalam Fakulti Bahasa kerana ia mempunyai himpunan item leksikal yang tidak tersusun dalam sesuatu bahasa. Setiap item leksikal diwakili oleh sistem fitur dan mempunyai maklumat bunyi, makna dan nahu. Fitur bunyi direpresentasikan oleh fitur bunyi, maklumat makna direpresentasikan oleh fitur semantik, dan maklumat sintaksis direpresentasikan oleh fitur sintaksis. Fitur sintaksis, yang dikenali sebagai fitur formal, khususnya terdiri daripada fitur Phi (mewakili orang, nombor, jantina), fitur fungsian (mewakili kala, komplemen, penentu, dan keserasian), fitur kes (mewakili nominatif, datif, akusatif, dan genitif), fitur Prinsip Projeksi Tambahan (EPP), fitur kategori (mewakili kata kerja, nama, preposisi, adjektif, dan lain-lain), serta fitur soal (Fazal Mohamed Mohamed

Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi 2013). Fitur-fitur ini pula boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu fitur berinterpretasi dan fitur tak berinterpretasi.

Sistem komputasi berfungsi sebagai mesin utama untuk menghasilkan derivasi sintaksis dalam sebuah ayat. Operasi dasar dalam sistem ini adalah Cantuman. Chomsky (2001) mengemukakan dua jenis cantuman, iaitu cantuman luaran dan cantuman dalaman. Cantuman luaran adalah operasi dasar dalam pembentukan struktur frasa, yang menggabungkan dua objek sintaksis menjadi unit sintaksis baru. Cantuman dalaman, sebaliknya, adalah operasi yang menggabungkan salah satu konstituen dari satu unit sintaksis dengan unit sintaksis lain dalam struktur frasa yang sama. Cantuman dalaman ini adalah operasi sintaksis yang menyalin satu objek sintaksis dan menggabungkannya dengan objek lain, dikenali juga sebagai gerak.

Pada tahap ini, teori Penyemakan Fitur berfungsi untuk memeriksa semua fitur tak berinterpretasi dengan tepat. Gerak ini didorong oleh proses penyemakan fitur tak berinterpretasi, namun gerak tidak terjadi dengan cepat kerana dianggap tidak bersifat ekonomi dalam kerangka ini. Cantuman dalaman dikendalikan oleh Syarat Penyelesaian Terakhir, yang memastikan pergerakan hanya untuk memeriksa fitur tak berinterpretasi. Gerak ini juga meninggalkan tanda di tempat asalnya, yang disebut sebagai Bekas.


Seterusnya, Cetusan ialah operasi dalam sistem komputasi yang berperanan memisahkan atau menyalurkan derivasi ke dua bahagian, iaitu ke tahap antara muka masing-masing. Tahap antara muka terdiri daripada Bentuk Logik (LF) dan Bentuk Fonetik (PF). Operasi Cetusan penting kerana hanya fitur yang berinterpretasi secara fonetik dapat diinterpretasikan pada PF, manakala fitur yang berinterpretasi secara semantik dapat diinterpretasikan pada LF. Oleh itu, setiap derivasi, sama ada melalui cantuman luaran atau dalaman, akan disalurkan kepada LF dan PF agar setiap fitur dapat diberikan interpretasi yang sesuai dengan komponen masing-masing, selari dengan prinsip interpretasi penuh.

Operasi sintaksis pula dapat dibahagikan kepada operasi Sintaksis Nyata dan Sintaksis Terselindung. Operasi Sintaksis Nyata adalah operasi yang terjadi sebelum Cetusan, manakala Operasi Sintaksis Terselindung adalah operasi yang terjadi selepas Cetusan. Operasi ini melibatkan pergerakan. Pergerakan yang berlaku di Sintaksis Nyata dikenali sebagai pergerakan nyata, manakala pergerakan yang berlaku di Sintaksis Terselindung dikenali sebagai pergerakan terselindung.

Sekiranya semua derivasi dapat menyalurkan fitur tertentu yang berinterpretasi ke tahap antara muka dengan betul dan berjaya menyemak semua fitur tak berinterpretasi dengan lengkap, maka derivasi ini dianggap telah Bergabung. Sebaliknya, jika fitur tak berinterpretasi tidak disemak sebelum Cetusan, maka derivasi tersebut dikatakan telah Terhempas. Untuk mengelakkan derivasi daripada terhempas, Prinsip Interpretasi Penuh (PIP) beroperasi pada LF untuk memastikan bahawa semua fitur pada tahap antara muka tidak mengandungi fitur tak berinterpretasi.

### 3.3 Kawasan Kajian


Berdasarkan data daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli pada tahun 2023, didapati bahawa taburan Orang Asli Melayu-Proto di negeri Pahang adalah seramai 42,887 orang dan merupakan negeri yang paling ramai penduduk Orang Asli Melayu-Proto. Pengkaji memilih kawasan kajian di negeri Pahang disebabkan oleh kepadatan penduduk Orang Asli Jakun di sana iaitu seramai 31,528 orang.



RAJAH 3. Peta taburan Orang Asli Sumber : (Dentan et al. 1997; Tarmiji Masron 2013)

Peta menunjukkan bahawa taburan Orang Asli Jakun memenuhi hampir sepenuhnya di kawasan selatan Semenanjung Malaysia, khususnya di negeri Pahang dan Johor. Pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian mengenai Orang Asli Jakun telah dilakukan di negeri Johor seperti kajian Mohd Rozi Kassim (2019), Mohd Rozi Kassim (2021), Mohd Rozi Kassim (2023) & Nurul Jamilah Rosly dan Nor Zainiyah Zarita Mokhtar (2023). Adapun kajian mengenai Orang Asli Jakun di negeri Pahang adalah kajian oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2021), walaupun ini tidak melibatkan kajian linguistik.

Kampung Tenggalong terkenal dengan perkampungan Orang Asli Jakun serta dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur seperti sekolah, pasaraya, perusahaan dan perumahan yang tersendiri. Kemajuan dalam membangunkan kampung ini mencerminkan jangka waktu kehadiran komuniti Orang Asli Jakun di kampung tersebut. Ia juga menunjukkan bagaimana komuniti ini beroperasi sebagai sebuah organisasi yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan seperti guru, peniaga dan pegawai. Kampung ini juga terdiri dari beberapa golongan masyarakat yang berbeza generasi yang akan memudahkan pengkaji untuk mengenal pasti perkembangan bahasa Jakun yang digunakan oleh setiap peringkat umur.



RAJAH 4. Peta Kampung Tenggalong, Keratong, Pahang

Menurut informan, di Rompin, Pahang ini dapat dibahagikan bahasa Jakunnya kepada dua, iaitu bahasa Jakun kawasan hilir sungai dan bahasa Jakun kawasan bukit. Bahasa Jakun di kawasan hilir sungai didapati mempunyai perbezaan dengan bahasa Jakun di kawasan bukit. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan mengenal pasti sama ada kawasan Kampung Tenggalong ini memiliki bahasa Jakun kawasan hilir sungai atau bahasa Jakun kawasan bukit atau mempunyai kedua-duanya dalam satu kampung yang sama.

Bahasa yang digunakan oleh Orang Asli Jakun adalah bahasa Jakun. Kajian bahasa Jakun dari sudut fonologi yang dibawa oleh Carey (1976) telah membuka ruang kepada para penyelidik untuk menganalisis persamaan dan perbezaan fonologi bahasa Melayu dan bahasa Jakun. Carey yang menyatakan kebanyakan leksikal dalam bahasa Jakun menyerupai leksikal kata bahasa Melayu ini telah menyebabkan bahasa Jakun hilang keasliannya. Terdapat percanggahan terhadap pernyataan Carey daripada Mohd Khaidir Abdul Wahab (2020) dan disokong oleh Mohamad Rozi Kasim (2021) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Orang Asli Jakun dan Temuan ini adalah bahasa di bawah bahasa Austronesia. Walaupun begitu, dalam kelompok bahasa Austronesia, terutamanya bahasa Jakun dan bahasa Melayu yang tidak memiliki catatan bahasa purba, penelitian menunjukkan bahawa bahasa Jakun bukanlah hasil pinjaman dari bahasa Melayu, melainkan merupakan salah satu cabang dari bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba (Mohamad Rozi Kasim 2021). Carey (1976) juga berpendapat bahawa nahu dan kosa kata bahasa Jakun dengan bahasa Melayu adalah sama. Menurut Kamila Ghazali (2010) pula, disebabkan pekerjaan kebanyakan Orang Asli Jakun yang contohnya bekerja di taman negara yang menyebabkan interaksi dengan pelancong yang lebih kerap, keberadaan ini mendorong Orang Asli Jakun untuk mempelajari tidak hanya bahasa Melayu tetapi juga bahasa Inggeris. Sedikit sebanyak pengaruh bahasa selain bahasa Jakun ini telah mempengaruhi bahasa Jakun secara keseluruhan.



#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 Kata Kerja Transitif

Frasa kerja merupakan binaan yang perlu memiliki kata kerja dalam ayat dan terdiri daripada satu perkataan atau lebih (Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. 2010). Menurut Asmah (1993), kata kerja transitif boleh dibahagikan kepada dua iaitu kata kerja ekatransitif dan dwitransitif. Kata kerja ekatransitif atau kata kerja transitif ialah kata kerja yang mempunyai satu objek sahaja seperti objek kata, objek frasa atau objek klausa. Kata kerja transitif ini boleh dilihat pada contoh-contoh ayat dalam bahasa Jakun hasil kutipan data pengkaji:

- (2) **Budak-budak sitok main bola.** Budak-budak itu main bola. “Budak-budak itu bermain bola.”
- (3) **Kok dah makan nasi.** Saya dah makan nasi. “Saya sudah makan nasi.”

Data (2) menunjukkan ayat bahasa Jakun *Budak-budak sitok main bola* yang mempunyai objek (O) *bola* yang bersifat nominatif selepas kata kerja (KK) *main* sebagai pelengkap ayat. Data

(2) dikatakan sebagai ayat yang gramatis kerana objek pelengkap kepada kata kerja telah menyempurnakan makna ayat. Dalam ayat tersebut juga dapat dikesan kata nama (KN) *Budak-budak* yang diikuti dengan kata determiner *sitok* yang bermaksud ‘itu’. Kata determiner ini berfungsi sebagai kata penunjuk, dalam konteks ini kata determiner *sitok* adalah penunjuk kepada KN *Budak-budak*. Bagi kata kerja transitif, kata kerja ini memiliki dua argumen yang hadir iaitu argumen dalaman dan luaran untuk memenuhi peranan tetanya. Argumen luaran merujuk kepada subjek, manakala argumen dalaman merujuk kepada objek.

Bagi Data (3), ayat *Kok dah makan nasi* membawa maksud “Saya sudah makan nasi”. Dapat dilihat bahawa KN *nasi* adalah objek pelengkap kepada KK *makan*. Leksikal *dah* adalah bersifat kata kerja bantu (KKB) yang berbentuk kata kerja bantu aspek bagi KK *makan*. Fungsi kata kerja bantu aspek ini adalah dalam menunjukkan kala dalam ayat. Dalam hal ini, kala yang ditunjukkan adalah kala lepas. Walau bagaimanapun, terdapat satu fenomena di mana ayat (2) akan mengalami kesalahan tatabahasa jika kata kerja transitif ini tidak diikuti dengan sebarang objek pelengkap dalam frasa atau ayat transitif. Hal ini boleh dilihat pada Data (4):

- (4) **\*Budak-budak sitok main.**

Data (3) menunjukkan ayat yang kurang gramatis dan ditandai dengan asterik \* pada permulaan ayat. Ayat ini dikatakan tidak gramatis kerana *K main* merupakan kata kerja transitif yang wajib diikuti dengan objek sebagai pelengkap. Jika *O bola* digugurkan, hal ini telah menyebabkan makna kepada ayat dalam Data (2) tergantung dan akan menimbulkan kekeliruan kepada pendengar. Selain itu, bahasa Jakun merupakan bahasa yang mempunyai struktur binaan ayat yang sama dengan Bahasa Melayu Standard (BMS) iaitu SKO. S yang bermaksud subjek perlu diikuti dengan Kerjaan (K) dan diakhiri dengan Objek (O) untuk struktur binaan asasnya. Ia juga menjadi satu kesalahan apabila ayat yang dituturkan adalah tidak urutan struktur binaan ayat dalam bahasa Jakun SKO. Contohnya adalah seperti berikut:

(5) \***Budak-budak sitok bola main.**

Data (5) merupakan ayat yang tidak gramatis yang disebabkan oleh *O bola* yang hadir sebelum *K main* dalam ayat. Fenomena ini adalah menyimpang daripada struktur binaan ayat bagi bahasa Jakun. Oleh hal yang demikian, kesalahan dari susunan struktur binaan ayat yang tidak gramatikal ini juga ditandai dengan \*.

#### 4.2 *Kata Kerja Dwitransitif*

Kata kerja dwitransitif ialah kata kerja yang boleh mengambil dua objek iaitu sama ada kedua-duanya terdiri daripada objek frasa dan satu lagi objek klausa (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi 2014). Ia juga merupakan kata kerja yang boleh diikuti dengan dua objek dan disebut sebagai objek langsung dan objek tak langsung. Kebiasannya, objek langsung adalah berada pada posisi selepas kata kerja dan diikuti dengan objek tak langsung pada posisi selepas objek langsung. Berikut adalah contoh kata kerja dwitransitif dalam Bahasa Jakun yang diambil daripada data pengkaji:

(6) **Mamak beli ikan dan sayur ke amai de pasar tek.** Pakcik beli ikan dan sayur kepada makcik di pasar. “Pakcik membeli ikan dan sayur untuk makcik di pasar.”

(7) **Laki bagik bungok ke bini.** Suami beri bunga kepada isteri. “Suami memberikan bunga kepada isteri.”

Berbeza dengan kata kerja transitif, kata kerja dwitransitif mempunyai tiga argumen. Argumen tersebut terletak pada subjek yang hadir sebelum kata kerja dan dua objek yang hadir selepas kata kerja. Argumen dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu argumen luaran dan argumen dalaman. Argumen luaran adalah merujuk kepada objek langsung dan argumen dalaman pula merujuk kepada objek tak langsung. Subjek pula ditandai sebagai agen.

Data (6) merupakan ayat bagi kata kerja dwitransitif, di mana ayatnya mempunyai tiga

argumen. Argumen yang pertama adalah pada KN *Mamak* yang diikuti dengan KK *beli* dan dua objek langsung FN *ikan dan sayur* dan objek tak langsung FN *ke amai*. Apabila mana- mana kata kerja dwitransitif menerima tiga argumen untuk melengkapkan ayatnya, maka ayat tersebut mencapai bentuk yang nirpurna. Sebaliknya, apabila kata kerja dwitransitif tidak lengkap menerima tiga argumen, maka ayat tersebut adalah tidak gramatis dan akan ditandai dengan tanda asterik \*. Kata preposisi (KP) *de pasar tek* pula merupakan penerangan bagi ayat (6). Penerangan yang dimaksudkan adalah tempat yang merujuk kepada pasar yang dibeli ikan dan sayur tersebut.

Bagi Data (7) pula, *Laki bagik bungok kepada bini* menggambarkan ayat dwitransitif, di mana KN *Suami* sebagai pelaku atau agen kepada KK *bagik* yang memenuhi dua argumen, iaitu argumen luaran (objek langsung) dan argumen dalaman (objek tak langsung). KN *bungok* adalah argumen luaran, manakala KN *bini* pula adalah argumen dalaman. Dengan kehadiran ketiga-tiga argumen yang melengkapkan peranan tetanya, maka terbuhtilah bahawa ayat (7) adalah ayat bagi kata kerja dwitransitif.


### 4.3 *Perbincangan*

Pada bahagian perbincangan, pengkaji akan menerangkan jenis-jenis kata kerja dalam bahasa Jakun yang telah diterangkan pada dapatan kajian. Pengkaji juga hanya akan menerangkan kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif dalam makalah ini. Pendekatan Kerangka Minimalis digunakan sebagai analisis teoritikal untuk menganalisis data dan akan direalisasikan dalam bentuk rajah pohon. Analisis berdasarkan rajah pohon ini dilihat dari proses struktur paling bawah sehingga proses struktur paling atas. Setiap pergerakan ini akan diterangkan oleh pengkaji.

#### 4.3.1 *Kata Kerja Transitif*

Seperti yang dibincangkan, kata kerja transitif merupakan kata kerja yang memerlukan objek sebagai pelengkap kepada makna ayat. Untuk analisis teoritikal ini, pengkaji mengambil semula ayat dalam bahasa Jakun yang telah dibincangkan untuk dianalisis. Ayat tersebut ditulis semula sebagai:

(8) Budak-budak sitok main bola.



RAJAH 5. Rajah Pohon Kata Kerja Transitif Budak-budak sitok main bola

Ayat (8) terdiri daripada empat leksikal, iaitu {budak-budak, sitok, main, bola}. Kata kerja


(K) *main* adalah kata kerja transitif yang memerlukan objek untuk melengkapkan ayat. K *main* bergabung dengan N *bola*, yang bertindak sebagai objeknya. Bagi memenuhi peranan teta, kata kerja ini memerlukan dua argumen: argumen dalaman dan argumen luaran. N *bola* yang merupakan argumen dalaman, bergabung dengan K *main* dan membentuk frasa kata kerja (FK). Fitur tak berinterpretasi [uN] pada N *bola* disemak dan kemudian dipadam. FK ini bergabung dengan elemen tatatingkat (k kecil). Hasil gabungan ini membentuk k' (k tanda). Elemen k kecil mengalami proses cantuman, seterusnya meletus kepada dua nodus: N *main* dan fitur tak berinterpretasi [ukala: ]. Terdapat pergerakan N *main* dari posisi FK ke k kecil, meninggalkan bekas <main> pada posisi asal. Fitur tak berinterpretasi [uN] yang belum disemak diprojeksikan dari k ke k'. Struktur FK yang terbentuk hasil gabungan ini, FD *Budak-budak sitok* yang mempunyai fitur KGND ketiga, dipilih untuk menjadi pasangan kepada k'. Fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' disemak oleh fitur berinterpretasi [N] pada FD *budak-budak sitok*.

Seterusnya, kala dipilih untuk menjadi pasangan FK dan membentuk struktur kala' (kala tanda). Kala mempunyai fitur kini dan fitur EPP [uN\*]. Fitur tak berinterpretasi [ukala: ] pada perintah k disemak melalui proses keserasian dan diberi nilai oleh fitur [kini]. Oleh itu, fitur tak berinterpretasi ini dapat disemak dan dipadamkan, menjadi [ukala:kini]. Fitur EPP yang tidak dapat disemak diprojeksikan dari kala ke posisi kala'. Proses terakhir bagi struktur ayat (8) adalah menggabungkan FD *Budak-budak sitok* dengan kala' (kala tanda) dan menghasilkan struktur FKala. FD *Budak-budak sitok* mengalami pergerakan dari posisi di bawah FK ke posisi spek FKala. Pergerakan ini meninggalkan bekas <budak-budak sitok> pada posisi asal. Fitur EPP [uN\*] pada kala' ini adalah fitur tak berinterpretasi yang kuat, yang membolehkan pergerakan KGND "budak-budak sitok" ke posisi spek FKala dan menjadi subjek ayat. Fitur EPP [uN\*] ini disemak oleh fitur berinterpretasi [N] di bawah sistem adik- beradik. Keseluruhan derivasi menunjukkan bahawa ayat (8) ditandakan dengan kala kini.

#### 4.3.2 Kata Kerja Dwitransitif

Kata kerja dwitransitif dikatakan memiliki dua objek, iaitu objek langsung dan objek tak langsung bagi melengkapkan makna ayat. Bagi analisis teoritikal kata kerja dwitransitif, pengkaji akan mengambil semula Data (6) dan ditulis semula sebagai:

#### (9) Momok beli ikan dan sayur ke amai de pasar tek.



RAJAH 6. Rajah Pohon Kata Kerja Dwitransitif Momok beli ikan dan sayur ke amai de pasar tek

Ayat (9) mempunyai 10 leksikal {momok, beli, ikan, dan, sayor, ke, amai, de, pasar, tek}. Analisis rajah pohon ini dilihat dari struktur paling bawah. Struktur dalam rajah 5 bermula dengan menggabungkan K *beli* dengan frasa preposisi FP *ke amai de pasar tek* yang merupakan objek tak langsung bagi kata kerja (KK) tersebut. Hasil gabungan ini membentuk struktur K' (K besar tanda). FP *ke amai de pasar tek* adalah pelengkap bagi ayat tersebut dan tidak boleh digugurkan. Fitur tak berinterpretasi [uN] dapat disemak dengan kehadiran FP *ke amai de pasar tek* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N], kemudian ia dipadamkan. N *amai* dalam FP *ke amai de pasar tek* merupakan argumen dalaman bagi K *beli*.

Derivasi diteruskan dengan memilih FN *ikan dan sayor* untuk digabungkan dengan K' dan menghasilkan FK. N *ikan dan sayor* adalah objek langsung yang hadir selepas KK. Seterusnya, berlaku proses penyemakan dan pemberian nilai kepada fitur pemilihan-k di bawah sistem adik-beradik. Kemudian, derivasi untuk menghasilkan struktur k' (k tanda) adalah dengan memilih k (k kecil) untuk digabungkan dengan FK. K (k kecil) menghadapi proses cantuman dan meletus kepada dua, iaitu nodus K *beli* dan nodus fitur tak berinterpretasi [ukala: ]. K *beli* bergerak dari posisi di bawah K' ke posisi k, meninggalkan bekas <beli> pada posisi asal. Pergerakan KK ini bertujuan untuk memenuhi UTAH. Fitur tak berinterpretasi [uN] yang belum disemak pada k diprojektasikan ke k'. FN *ikan dan sayor* merupakan argumen luaran bagi K *beli*.

Seterusnya, derivasi dijalankan dengan memilih subjek atau KN yang sesuai, iaitu N *Momok*, untuk digabungkan dengan k' dan membentuk struktur Fk. Pemilihan N yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] untuk menduduki posisi spek adalah untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] pada k'. Kehadiran subjek pada posisi ini penting kerana subjek berfungsi menandakan peranan agen bagi KK tersebut. FN tersebut turut dapat menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] pada k'.

Kemudian, kala dipilih untuk menjadi pasangan Fk dan membentuk struktur kala' (kala tanda). Kala ini penting dalam pembentukan struktur ayat kerana fitur tak berinterpretasi [ukala: ] pada k diberi nilai dan disemak sebelum sampai ke cetusan. Kala pada nodus kala' itu mempunyai fitur [lepas] dan nominatif. Maka, fitur tak berinterpretasi [ukala: ] boleh dinilai oleh fitur [lepas] melalui proses keserasian bagi menghasilkan [ukala: lepas]. Fitur tak berinterpretasi itu kemudian disemak dan dipadamkan menjadi [ukala: lepas].

Derivasi paling atas bagi struktur rajah 5 adalah N *Momok* bergerak dari posisi Fk ke posisi spek FKala untuk menandakan kasus dan menjadi subjek ayat. Hasil pergerakan ini meninggalkan bekas <Momok> pada posisi asal. Seterusnya, N tersebut bergabung dengan kala' dan menghasilkan FKala. Dengan ini, fitur tak berinterpretasi [uN] pada kala' dapat disemak. Kesimpulannya, rajah 5 memaparkan struktur FK dwitransitif bagi ayat *Momok beli ikan dan sayor ke amai de pasar tek* dan tiada lagi pembentukan nodus baru kerana tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang perlu disemak. FK dwitransitif *beli* juga memerlukan tiga argumen, iaitu N *Momok*, FN *ikan dan sayor*, dan N *amai*.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian ini menumpukan kepada kata dan frasa kerja dalam bahasa Jakun yang menggunakan Kerangka Minimalis untuk meneliti struktur sintaksisnya. Kerangka Minimalis ini dapat membuktikan bahawa kata dan frasa kerja dalam bahasa Jakun mempunyai struktur binaan ayat yang sama dengan Bahasa Melayu Standard (BMS) iaitu SKO di mana Subjek (S) mendahului Kerjaan (K) dan memerlukan Objek (O) sebagai pelengkapannya. Pengkaji juga melihat bahasa Jakun terdiri daripada tiga kata kerja iaitu kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Kesemua jenis kata kerja ini dapat dibuktikan kehadiran kala dalam ayat, iaitu kala lepas dan kini. Oleh hal yang demikian, terbukti bahawa Kerangka Minimalis yang digunakan oleh pengkaji mampu untuk melengkapkan objektif-objektif bagi kajian ini. Kerangka Minimalis ini dipercayai mampu untuk menggantikan teori tradisional, Teori Kuasaan dan Tambatan dengan menerangkan konsep sintaksis secara lebih minimalis dan ekonomis.

Semasa menjalankan kajian, pengkaji mendapati masih terdapat kelompangan yang boleh diperbaiki oleh pengkaji-pengkaji pada masa akan datang. Cadangan untuk pengkaji yang ingin mengkaji kata kerja khususnya dalam bahasa Jakun boleh memilih salah satu jenis kata kerja yang telah dibincangkan dan membuat analisis teoritikal dan analisis deskriptif yang lebih mendalam dengan menerangkan setiap pergerakan dan gabungan kata daripada aspek yang paling asas iaitu FK sehingga Fkala untuk membentuk ayat. Diharapkan makalah ini sedikit sebanyak memberikan kepentingan yang signifikan bagi semua pihak yang terlibat, khususnya bagi masyarakat Orang Asli Jakun dan penutur bahasa Jakun, sehingga dapat memberikan sumbangan yang berharga dalam pemeliharaan bahasa tersebut. Selain itu, kajian ini dilakukan agar dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk terus memelihara dan menyantuni masyarakat Orang Asli Jakun yang banyak tinggal di Selatan Semenanjung Malaysia. Kajian ini dilakukan juga supaya pihak yang sewajarnya cakna akan keberadaan Orang Asli Jakun dan menjaga kebajikan mereka dengan sebaiknya.

## Rujukan

- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aydın, İ., & Şeker, E. (2013). A comparative study on English and Turkish syntactic structures within the terms of the Minimalist Program.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsula Malaysia*. Oxford University Press.
- Chomsky, N. (1995) *The Minimalist Program*. The MIT Press, Cambridge.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. 2016. Analisis Deskriptif terhadap Struktur Frasa Kerja Bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 169-191.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2010). Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito Menerusi Pengimbuhan Dan Peminjaman Kata. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3).
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2013). Sintaksis kata tanya 'sapa' dalam dialek Kedah. *GEMA*, 13(1), 43-59.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2023). *Orang Asli*. Kuala Lumpur: Kementerian Desa dan

- Wilayah. Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2023). *Taburan Etnik Orang Asli Mengikut Etnik/Sub Etnik Mengikut Negeri*. Kuala Lumpur: Kementerian Desa dan Wilayah.
- Kamila Ghazali. (2010). *National Identity and Minority Languages: What is the UN Academic Impact?* United Nations Publications.
- Kvale, S. (1996). *Interview Views: An Introduction to Qualitative Research Interviewing*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohamad Rozi Kasim. (2019). Analisis Linguistik Sejarah Terhadap Aspek Fonologi Dan Leksikal Bahasa Jakun di Johor. Disertasi PhD. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Etnografi Komunikasi Orang Asli Jakun. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 21-44.
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Hubungan Kekeperabatan antara Bahasa Jakun dengan Bahasa Melayu Purba: Satu Analisis Perbandingan Kosa Kata Dasar. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 41-66.
- Mohamad Rozi Kasim. (2023). Analisis Perbandingan Dua Ragam Dialek Jakun di Johor. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 34(1), 139-166.
- Mohamad Rozi Kasim. (2023). Domains of the Jakun Language Use in Kahang, Johor: An Analysis of Fishman's Domain. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1), 4-11.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2021). Konsep Usia atau Lama-Waktu Bahasa Melayu dalam Bidang Linguistik Sejarah dan Perbandingan. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik (e- JBL)*, 2(1), 23-36.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan. *Geografia*, 17(2).
- Nurul Aini Abd Rahman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2019). Kata Kerja Dalam Dialek Perlis: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1- 15. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/190> [20 Mei 2024]
- Nurul Jamilah Rosly & Nor Zainiyah Zarita Mokhtar. 2023. Analisis Kesalahan Tatabahasa dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Muar Johor. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* 5, no. 2 (2023): 1-11.
- Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor. (2014). *Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Bahasa atau Dialek?*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Tarmiji Masron, Masami, F., & Norhashimah Ismail. (2013). Orang Asli in Peninsular Malaysia: population, spatial distribution and socio-economic condition. *Ritsumeikan: Journal of Social Sciences and Humanities* 6: 75-115.